

Dirogol sepupu sejak usia 4 tahun

Berita Harian 08103/2018 M/S 15

➔ Perbuatan terbongkar selepas bapa ditahan kerana disyaki dera dua beradik

beradik berkenaan.

Ketika berada di ibu negara, barulah dua beradik berkenaan menceritakan mereka dirogol sepupu sendiri.

Wartawan BH yang dimaklumkan mengenai kejadian itu oleh ibu mangsa, membawa dua beradik berkenaan membuat laporan polis di Salak Tinggi, Sepang pada Januari lalu, selain menguruskan pemeriksaan perubahan mereka.

Mariana (bukan nama sebenar) mendakwa, dicabul dan dirogol sepupunya yang kini berusia 13 tahun ketika dia baru berusia empat tahun.

Cerita perbuatan sepupu

Dia turut menceritakan secara terperinci bagaimana perbuatan keji itu bermula, di dalam bilik tidur di rumah mereka di Sabah ketika ibu bapa serta kakak sulungnya tiada.

Mariana ketika itu ditinggalkan di bawah jagaan sepupu lelaki, manakala abang mangsa yang berusia tujuh tahun ketika kali per-

tama jenayah itu berlaku, tidur di ruang tamu.

"Sepupu saya kata jangan beritahu sesiapa," katanya kepada BH.

Kakaknya yang hanya ingin dikenali sebagai Mimie pula mendakwa, menjadi mangsa cabul dan rogol suspek sama serta seorang lagi sepupu yang kini berusia 15 tahun sejak dia berusia lima tahun.

Mimie mendakwa, diberi sejenis minuman sebelum tidak sedarkan diri dan dirogol, malah kejadian terkutuk itu pernah disaksikan sendiri adik lelakinya.

Dalam kes berasingan di ibu negara, dua beradik turut menjadi mangsa sumbang mahram apabila dirogol bapa kandung sejak masing-masing berusia 11 dan 12 tahun.

Dua beradik itu yang kini berusia 16 dan 18 tahun dan ditempatkan di sebuah rumah perlindungan di ibu negara, mendakwa lelaki durjana itu mengambil kesempatan ketika ibu mereka sedang tidur di bilik berasingan.



Dua beradik mangsa sumbang mahram.

▀ Kuala Lumpur

Usianya baru enam tahun, namun seorang kanak-kanak perempuan dari Sabah sudah menjadi pemuas nafsu sepupunya sendiri sejak berusia empat tahun lagi.

Kanak-kanak berkenaan bersama kakaknya dibawa ibu mereka berlindung di rumah seorang kenalan di ibu negara sejak Oktober lalu selepas bapa mereka ditahan polis kerana disyaki mendera dua